

**Malaysia Gesa Duta Khas Ke Syria Kembalikan Keamanan
Bernama
5 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Malaysia menggesa Duta Khas Pertubuhan Bangsa Bersatu ke Syria dan juga pemain utama yang lain supaya tabah dalam usaha merundingkan resolusi aman kepada konflik dan membawa kembali keamanan di negara itu.

Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman berkata pada masa sama Malaysia mengakui dan memuji sumbangan negara-negara jiran dalam menyediakan perlindungan kepada mereka yang melarikan diri daripada zon konflik.

"Malaysia mengesahkan lagi pemahaman bahawa keadaan di Syria memerlukan rundingan secara aman bagi penyelesaian politik yang dipimpin Syria berbanding penyelesaian tentera," katanya.

Anifah berkata demikian dalam kenyataannya yang disampaikan pada sesi tetap Majlis Hak Asasi Manusia segmen peringkat tinggi ke-25 di Geneva, Selasa. Teks ucapan beliau dihantar kepada BERNAMA.

Menteri itu berkata sebagai satu perkara keutamaan, pihak-pihak yang berkonflik perlu mengambil langkah-langkah ke arah menghentikan semua permusuhan dan memudahkan akses kepada kakitangan bantuan kemanusiaan dan bekalan di semua kawasan konflik.

Anifah berkata, Malaysia bersama pihak yang lain untuk segera menggesa semua pihak dalam konflik di Syria untuk menghormati undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan mematuhi komitmen mereka di bawah undang-undang hak asasi manusia antarabangsa.

Ini adalah dengan tujuan untuk memastikan mereka yang tidak bersenjata khususnya wanita, kanak-kanak, golongan tua dan orang sakit terselamat daripada kekejaman perang dan keganasan, katanya.

"Dunia masih bingung dengan keadaan di Syria yang terhuyung hayang di ambang malapetaka. Bahawa konflik di sana yang terus menerus berada di luar kawalan sebegitu pantas dan begitu kejam tidak boleh diterima.

Terdapat kemasukan besar-besaran senjata api dan persenjataan ke negara itu. Ini membawa kepada konflik yang berlarutan, menyebabkan lebih banyak kerugian kepada kehidupan dan harta benda. Konflik di Syria perlu dihentikan," kata Anifah.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019602>